



TERMA RUJUKAN PERKHIDMATAN PENULIS *COMPILATION OF BEHAVIOURAL INSIGHTS(BI) CASE STUDIES, 2020*

1.0 Latarbelakang

- 1.1 Pada tahun 2020 Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah melaksanakan 10 kajian kes BI di pelbagai kementerian dan agensi bersama beberapa universiti tempatan dan *MPC Associates*.
- 1.2 Kajian ini merupakan *pilot project* dalam menggunakan pendekatan *Behavioural Insights* bagi mengenalpasti jurang tingkah laku yang dikaji dan tingkah laku yang hendak diubah. Setiap projek menggunakan kaedah intervensi yang berbeza dalam kajian masing-masing.
- 1.3 Laporan kajian yang dihasilkan merupakan laporan penyelidikan yang komprehensif dan agak teknikal. Oleh itu untuk dikongsikan dengan lebih ramai pembaca maka laporan tersebut perlu diringkaskan supaya lebih mudah dirujuk dan difahami.
- 1.4 Penghasilan *Compilation of BI Case Studies, 2020* dijangka dapat membantu pembaca memahami secara ringkas mengenai kajian-kajian BI yang telah dijalankan.

2.0 Objektif Lantikan Penulis

- 2.1 Khidmat kepakaran penulisan ringkasan laporan ini adalah bertujuan untuk membantu MPC dalam menyediakan *Compilation of Behavioural Insights (BI) Case Studies, 2020* untuk perkongsian hasil penemuan kajian kepada pemegang taruh berkepentingan.

3.0 Skop Kerja

- i. Meringkaskan 10 laporan kajian kes BI 2020 berdasarkan laporan lengkap yang telah disediakan oleh kumpulan penyelidik. Skop ringkasan tersebut merangkumi perkara-perkara berikut:
 - a. Ringkasan Eksekutif/*Executive Summary*
 - b. Latarbelakang kajian/*Background of the study*
 - c. Pernyataan Masalah/*Problem Statement*
 - d. Objektif kajian/*Objectives of the study*
 - e. Skop Kajian/*Scope of the study*
 - f. Metodologi/*Methodology*
 - g. Penemuan/*Findings*
 - h. Cadangan/*Recommendations*
 - i. Kesimpulan/*Conclusion*
- ii. Penyediaan penulisan dengan memberikan cadangan infografik yang bersesuaian;
- iii. Penulis perlu menyediakan draf penulisan pengeditan / *proof read* sebelum laporan akhir diserahkan kepada MPC; dan
- iv. Mengemukakan bahan penulisan dalam bentuk *softcopy* kepada MPC.

4.0 Spesifikasi

- 4.1 Artikel adalah dalam bentuk *softcopy* dan memenuhi piawaian seperti berikut:
 - a. Jenis dan saiz tulisan – Arial,12
 - b. Jarak – 1.0 single spacing
 - c. Anggaran muka surat 5 – 7 muka surat bagi setiap laporan (saiz A4)
 - d. Penulisan dalam Bahasa *English*

5.0 Tempoh Lantikan

- 5.1 Kerja-kerja yang melibatkan penulisan laporan BI adalah mulai bulan 15 Mac sehingga 15 April, 2021.

6.0 Output

- 6.1 *Compilation of Behavioural Insights (BI) Case Studies, 2020*

7.0 Yuran Perkhidmatan

- 7.1 Kadar bayaran bagi perkhidmatan penulisan adalah RM200/muka surat.

8.0 Hakmilik

- 8.1 Semua penulisan yang dibuat adalah hak milik MPC dan tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian penerbitan, ilustrasi, reka bentuk, grafik dan isi kandungan dalam apa jua cara sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau apa-apa cara lain tanpa mendapat keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).